

ABSTRAK

Al-bay' bi thaman ājil (BBA) merupakan suatu akad pembiayaan menurut prinsip Islam. Ia merupakan produk yang amat popular dan ditawarkan dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia termasuk Bank Rakyat sendiri. Penawaran produk ini dilihat sebagai suatu alternatif kepada sistem pinjaman di Bank Konvensional yang telah bertapak sejak sekian lama. Justeru itu, disertasi ini cuba mengkaji amalan akad BBA dengan penumpuan diberikan terhadap konsep akad BBA di dalam sistem muamalat Islam dan amalan akad BBA yang terdapat di Bank Rakyat sendiri. Kajian ini juga turut membincangkan konsep hutang, jual beli, keuntungan dan riba yang menjadi ciri penting dalam sistem pembiayaan ini.

ABSTRACT

Al-Bay^c bi thaman ājil (BBA) is a financing contract according to Islamic principles. It is a well-known product and is offered by Islamic Banking System in Malaysia including Bank Rakyat itself. The product is an alternatives to the financing scheme of the conventional bank. Therefore, the dissertation studies the practice of BBA contract with attention given to the concept and nature of BBA contract in the Islamic transaction and its practise at Bank Rakyat. The study also discusses certain relevant concept such as debt, buy and selling (transaction), profits and usury in Islam all of which constitute some important aspects in the current financial system in Malaysia.